

11/11/1998

Hubungan negara Asean tidak terjejas

Shamshul Azree Samshir dan Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Hubungan baik Malaysia dengan negara lain, termasuk anggota Asean tidak terjejas walaupun menghadapi kegawatan ekonomi dan isu politik.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini terbukti dengan sokongan besar yang diperolehi Malaysia ketika pemilihan kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), baru-baru ini.

Menurutnya, jumlah undi yang diperolehi Malaysia iaitu 174 daripada 176 negara adalah yang terbesar pernah diperolehi negara-negara yang bertanding untuk kerusi itu.

"Kejayaan itu juga hasil perkhidmatan cekap Duta Malaysia yang turut diberi maklumat secukupnya mengenai isu politik dan kegawatan ekonomi negara serta langkah pemulihan untuk dijelaskan kepada negara asing," katanya menggulung perbahasan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat, hari ini.

Abdullah berkata, sikap beberapa pemimpin negara jiran mengkritik tindakan kerajaan memecat dan menahan Datuk Seri Anwar Ibrahim, turut tidak menjejaskan hubungan di kalangan negara Asean.

Menurutnya, kenyataan yang dibuat pemimpin negara terbabit adalah pandangan peribadi dan tidak mewakili kerajaan mereka.

"Sehubungan itu, perpaduan dan semangat Asean serta hubungan dua hala Malaysia dengan negara Asean tidak terjejas. Malah, pada masa ini, semua negara Asean bersedia bagi Sidang Kemuncak Asean di Hanoi, Vietnam, bulan depan," katanya.

Menjawab soalan Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) mengenai dakwaan kononnya ada duta negara yang memberi gambaran bertentangan dengan kerajaan mengenai isu pemecatan Anwar, Abdullah berkata:

"Ada dua duta yang diberi nasihat berhubung perkara ini. Mereka ini bukan tidak setia kepada negara dan kerajaan tetapi membuat kesilapan berikutan kurang faham perkara itu.

"Selain itu, semua duta juga sudah diberi penjelasan berhubung perkara berkenaan, di samping masalah ekonomi yang dihadapi negara," katanya.

Menurutnya, duta berkenaan juga diarahkan memberi penjelasan bukan saja kepada pegawai kerajaan, malah pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Beliau berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap duta atau pesuruhjaya tinggi yang bertindak bertentangan dengan kepentingan kerajaan.

Mengenai hubungan dengan Singapura, Abdullah berkata perjumpaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Goh Chok Tong, membuka jalan bagi hubungan lebih baik kedua-dua negara.

(END)